

PEMAKNAAN KONSEP RAHMATAN LIL 'ALAMIN MENURUT PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

*(The Meaning of the Concept of Rahmatan lil 'Alamin
According to the Federal Constitution)*

**Khairul Azhar Meerangani*
khairulazhar@kuim.edu.my

Adam Badhrulhisham
adambadhrul@kuim.edu.my

Fakulti Keilmuan Islam,
Kolej Universiti Islam Melaka

Taufiq A. Rashid
taufiqrashid@kuim.edu.my

Fakulti Undang-Undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa,
Kolej Universiti Islam Melaka.

Terbit dalam talian (*published online*): 3 Januari 2020

Sila rujuk: Khairul Azhar Meerangani, Adam Badhrulhisham dan Taufiq A. Rashid. (2020). Pemaknaan Konsep *Rahmatan lil 'Alamin* menurut Perlembagaan Persekutuan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 32(1), 29-50.

Abstrak

Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan kedudukan yang istimewa kepada bangsa Melayu dan agama Islam tanpa mengabaikan kepentingan bangsa dan agama lain sebagai manifestasi kontrak sosial yang telah dipersetujui sekian lama. Namun begitu, pasca PRU-14 telah memperlihatkan bibit-bibit ketegangan mulai tumbuh sehingga membawa kepada lahirnya isu-isu sensitif terutamanya berkaitan agama dan kaum. Maka, gagasan *Rahmatan lil 'Alamin* (RLA) telah diperkenalkan sebagai suatu pendekatan untuk mengharmonikan kemajmukan masyarakat secara inklusif. Kajian bertujuan mengenal pasti makna sebenar konsep ini menurut Perlembagaan Persekutuan

menerusi penelitian terhadap perbincangan para sarjana Muslim dan teks perlembagaan itu sendiri. Dapatan seterusnya dianalisis secara induktif, dan merangkumkan pemaknaan sebenar konsep ini yang bersesuaian dengan tafsiran perlembagaan. Pemahaman yang jelas dan penerimaan kedudukan istimewa Islam dalam Perlembagaan Persekutuan merupakan kunci utama untuk mewujudkan masyarakat berbilang kaum dan agama yang lebih harmoni dan bertanggungjawab. Penerapan nilai *Rahmatan lil 'Alamin* seharusnya dilaksanakan dengan menjadikan agenda mendaulatkan kedudukan Islam di Malaysia sebagai tema utama gagasan ini.

Kata Kunci: Islam, *rahmatan lil 'Alamin*, kemajmukan, Perlembagaan Persekutuan

Abstract

*The Federal Constitution has allocated a special place for Islam and Malays without forsaking the interests of other religions and races as the manifestation of the long-agreed Social Contract. Nonetheless, sparks of tension could be seen surfacing after the 14th General Election, allowing sensitive issues especially related to religions and races to materialize. Hence, *Rahmatan lil 'Alamin* (mercy for all, RLA) was introduced as a means to harmoniously create an inclusive multicultural society. This research identifies the true definition of this concept according to the Federal Constitution through the lens of discussions between Muslim scholars and the constitution itself. The findings were then analysed inductively to encapsulate the definition based on the constitution. A clear understanding and acknowledgement of the special place for Islam in Federal Constitution is key to generate a more harmonious and sensible multi-racial and multi-religious society. The values of RLA should be instilled through making the safeguarding of the place of Islam in Malaysia the focal theme.*

*Keywords: Islam, *Rahmatan lil 'Alamin*, multiculturalism, Federal Constitution*

PENDAHULUAN

Pasca PRU-14 memperlihatkan penglibatan rakyat yang lebih aktif dan cakna dengan perkembangan politik semasa. Tahap kebebasan media yang semakin terbuka era kerajaan baharu kini meskipun dari satu sudut memberikan impak yang positif, namun penyalahgunaan kebebasan ini oleh pihak tertentu dengan menyentuh isu sensitif seperti hak keistimewaan Melayu, status raja-raja Melayu serta kedudukan agama dan institusi Islam dilihat telah menimbulkan ketegangan dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan statistik penganut agama di Malaysia pada tahun 2010, tiga daripada empat agama utama di Malaysia memperlihatkan dominasi kaum tertentu melebihi 90% iaitu agama Islam (Melayu: 90.1%), agama Buddha (Cina: 97.8% dan agama Hindu (India: 98.7%). Agama Kristian pula lebih menonjol di Sabah dan Sarawak dengan memperlihatkan dominasi kaum Bumiputera Lain seperti Iban dan Kadasan-Dusun menyumbang kepada 64.7% daripada jumlah penganut Kristian di Malaysia. Maka, tidak hairanlah isu membabitkan kaum dan agama mudah dimanipulasi dan disebarkan oleh pihak tertentu dalam usaha menjayakan agenda mereka tanpa mengambil kira risiko konflik dan ketegangan yang boleh tercetus. Sebagai sebuah kerajaan yang baharu, sudah pastinya setiap dasar dan polisi yang ditetapkan mendapat perhatian langsung daripada rakyat. Meskipun sebahagian dasar dan polisi tersebut dilihat sebagai suatu perubahan dan penambahbaikan terhadap dasar terdahulu, namun kelemahan pihak kerajaan menangani sebahagian persepsi dan tanggapan negatif secara tuntas telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan masyarakat terutamanya orang Melayu dan umat Islam. Isu seperti jaminan hak keistimewaan orang Melayu, kedudukan Islam sebagai agama rasmi serta tuntutan hak dan kesamarataan antara kaum, agama dan gender secara tidak langsung telah menimbulkan ketegangan antara kaum dan agama.¹

Gagasan Islam *Rahmatan lil 'Alamin* (RLA) yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan secara dasarnya dilihat mampu membawa pembaharuan menerusi implementasi nilai keterbukaan Islam dalam mendepani realiti kemajmukan masyarakat secara inklusif. Meskipun begitu, keadaan ini tetap mencetuskan rasa bimbang dan keliru dalam kalangan masyarakat khususnya ahli akademik dan agamawan. Kebimbangan ini kerana dalam banyak perkara pendekatan

1 Mohd Anuar Ramli *et al.* (2018). Isu-Isu Sensitif dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia Pasca-Pilihanraya Umum (PRU14): Aplikasi Pendekatan Kesederhanaan. Mohd Roslan Mohd Noor *et al.* (Eds.), *Penyelidikan Serantau Islam dan Alam Melayu: Pendidikan, Kewangan, Kehartaan dan Isu Kontemporari*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 7.

Islam RLA dilihat lebih cenderung dan memihak kepada golongan tertentu seperti golongan liberal, sekular dan anti-Islam. Konsep RLA yang mementingkan toleransi dan keterbukaan mengundang kemarahan masyarakat Islam seperti yang dapat dilihat melalui media sosial.² Oleh itu, gagasan *Rahmatan lil 'Alamin* perlulah dibina atas landasan Perlembagaan Persekutuan yang telah sekian lama menjadi tulang belakang Malaysia. Perlembagaan Persekutuan telah digubal bagi tujuan mewujudkan suasana adil dan saksama bagi menjamin kesejahteraan kehidupan masyarakat berbilang kaum dan agama.³ Bagi memastikan gagasan RLA diterapkan senada dengan tujuan perlembagaan, perkara penting yang perlu diperhatikan ialah deklarasi Perkara 3 yang menetapkan “Islam ialah agama bagi persekutuan”. Deklarasi ini secara tidak langsung telah membuktikan dan mengiktiraf kedudukan Islam sebagai agama yang dominan bagi penduduk Tanah Melayu. Pemahaman yang jelas dan penerimaan terhadap kedudukan istimewa Islam dalam Perlembagaan Persekutuan ini sebenarnya merupakan kunci utama untuk mewujudkan masyarakat berbilang kaum dan agama yang lebih harmoni dan bertanggungjawab.

KONSEP RAHMATAN LIL 'ALAMIN

Rahmatan lil 'Alamin merupakan istilah bersumberkan al-Quran bagi menjelaskan bahawa Islam ialah agama yang damai, kasih sayang, toleransi dan menyeru kepada kebaikan. Namun begitu, usaha untuk menegakkan elemen rahmah ini bukan sahaja hadir menerusi pendekatan damai dan toleransi, namun dalam sebahagian keadaan, pendekatan tegas dan tidak berkompromi lebih menonjolkan sifat rahmah tersebut. Pemahaman yang salah terhadap konsep ini tanpa disokong oleh landasan ilmiah yang memadai boleh membawa kepada makna yang berat sebelah sehingga akhirnya difahami sebagai sifat apologetik Islam dalam berhadapan dengan realiti semasa.⁴ Perkara ini mungkin kurang menimbulkan masalah yang besar apabila diimplementasikan dalam suasana yang damai dan harmoni. Namun begitu, isu akan timbul apabila kita cuba menerapkan konsep ini dalam keadaan konflik sehingga akhirnya

2 Baharom Kassim dan Mohd Syarul Razi Mohd Hazmi. (2018). Islam Era Malaysia Baharu: Isu dan Agenda Pelaksanaan. Abd Karim Ali et al. (Eds.), *Islam Era Malaysia Baharu: Dinamika Wacana Kepelbagaian Cabaran*, Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia, 14.

3 Halis Azhan Mohd Hanafiah. (2013). Pembinaan Negara dalam Tikus Rahmat dan Perlembagaan Persekutuan: Satu Kajian Perbandingan. *Jurnal Melayu*, 11(2), 6.

4 Harjani Hefni. (2017), Makna dan Aktualisasi Dakwah Islam *Rahmatan lil Alamin* di Indonesia. *Academic Journal for Homiletic Studies*, 11(1), 5.

menyebabkan kita lebih banyak mengalah dan bertolak ansur kerana pendekatan tegas ditanggapi sebagai bertentangan dengan konsep rahmah. Sifat rahmah Islam mempunyai konsep keseimbangan hidup dengan seruan kepada kebaikan menerusi pendekatan lembut dan kasih sayang namun dalam masa yang sama tetap berpegang teguh dengan prinsip yang telah ditetapkan. Keseimbangan ini dapat diwujudkan menerusi penjagaan terhadap nilai hubungan dengan Allah dan hubungan sesama manusia. Ibn al-Jawzi mendatangkan 16 makna rahmah yang diolah berdasarkan konteks ayat dalam al-Quran antara syurga, rezeki, nikmat, kesihatan, kehalusan, pengampunan, pemeliharaan, kasih sayang dan keluasan.⁵ Meskipun rumusan daripada makna ini membawa kita memahami sisi kelembutan sifat rahmah, namun sirah Rasulullah SAW turut memaparkan kepada kita bahawa ketegasan Baginda terhadap Muslim dan bukan Muslim juga merupakan rahmah buat mereka.⁶

Hal ini selari dengan tafsiran *rahmatan lil 'alamin* yang didapati dalam ayat 107 *Surah al-Anbiya*'. Dalam tafsiran kalimah *rahmatan lil 'alamin*, al-Zamakhsyari menegaskan bahawa rahmah yang dimaksudkan ialah kepada sesiapa yang mengikuti ajaran baginda SAW, iaitu agama Islam. Beliau menegaskan rahmah ini hanyalah bagi sesiapa yang memilih untuk mengambalnya. Adapun bagi sesiapa yang mengingkarinya disebabkan keengganan, maka ia sendiri yang menyempitkan nasibnya. Beliau mengumpamakan perihal ini dengan sebuah mata air yang dimanfaatkan oleh sesetengah orang sehingga dapat diminum air daripadanya. Adapun bagi yang malas dan tidak memanfaatkannya, mereka akan kekal kehausan.⁷ Al-Tabari pula menyatakan maksud rahmah dalam ayat tersebut merujuk syurga dan kebahagiaan bagi yang beriman kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW, yakni mengikut ajaran Islam, manakala rahmah bagi orang kafir pula bermaksud ditanggihkan bala sebagai peluang untuk bertaubat dan kembali kepada Islam, berbeza dengan kaum terdahulu yang ditimpakan bala sejourus keingkaran mereka.⁸

5 Ibn al-Jawzi. (1987). *Nuzhah al-A'yun al-Nawazir*. Beirut: Muassasa al-Risalah, 331-334.

6 Ahmad Sanusi Azmi dan Mohd Yusuf Ismail. (2018). Konsep *Rahmatan lil 'Alamin* dalam Hadith: Penerokaan Makna serta Aplikasi di Malaysia. *Journal of Hadith Studies*, 3(1), 4.

7 Mahmud bin Umar al-Zamakhsyari. (2009). *Tafsir al-Kasyshaf 'an Haqiq al-Tanzil wa 'Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Takwil*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 688.

8 Muhammad bin Jarir al-Tabari. (2001). *Jami' al-Bayan fi Takwil Ay al-Quran*. Qahirah: Hajr li al-Tiba'ah wa al-Nasyr, 17: 441.

Pendapat yang sama juga dinukilkan oleh al-Alusi⁹ dan al-Qurtubi.¹⁰ Al-Tabari juga telah menghubungkan ayat ini bersamaan dengan ayat sebelumnya yang bermaksud “*Sesungguhnya Al-Quran ini mengandungi keterangan-keterangan yang cukup bagi orang-orang yang (cita-citanya) mengerjakan ibadat (kepada Allah dengan berilmu)*”, tidak seperti ayat lain yang diletakkan tafsiran dan riwayat berkenaannya secara berasingan. Seolah-olah beliau ingin menegaskan bahawa rahmah yang sebenar-benar dengan inti pati paling lengkap ialah tunduk dan patuh serta membenarkan apa-apa yang dibawa oleh al-Quran, iaitu Islam.¹¹

Tuntasnya, penelitian terhadap beberapa tafsir muktabar menyimpulkan bahawa maksud *rahmatan lil ‘alamin* yang disebutkan dalam ayat tersebut merujuk kebenaran, kesejahteraan dan kebahagiaan yang hanya boleh dicapai melalui Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW, di samping kesempatan yang diberikan kepada golongan bukan Islam untuk menerima hakikat ini. Oleh itu, inti pati utama *rahmatan lil ‘alamin* ialah kebenaran akidah Islam bukannya kasih sayang, perpaduan dan toleransi insani seperti yang dinyatakan oleh sesetengah pihak.¹² Muhammad Idrus pula menegaskan bahawa penghayatan dan penerapan nilai *rahmatan lil ‘alamin* seharusnya tidak boleh meninggalkan misi dakwah yang dibawa oleh Islam itu sendiri kerana tidak ditemukan sebarang pentafsiran yang mengaitkan *rahmatan lil ‘alamin* dengan toleransi berlebihan kepada bukan Islam.¹³ Rasulullah SAW dilihat telah meletakkan sempadan yang jelas terutamanya bagi perkara yang membabitkan prinsip kepercayaan dan kehormatan agama Islam. Dalam erti kata lain, sifat rahmah bukan bermaksud kita membiarkan maksiat dan kemungkaran atas nama kedamaian dan kasih-sayang sebaliknya bertindak tegas terhadap apa-apa jua elemen yang boleh menggugat kedudukan Islam.

9 Syihab al-Din Mahmud al-Alusi. (t.t). *Ruh al-Ma’ani fi Tafsir al-Quran al-‘Azim wa al-Sab’ al-Mathani*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy, 17: 155.

10 Muhammad bin Ahmad al-Qurtubi. (2006). *Al-Jami’ li Ahkam al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah, 14: 302.

11 Al-Tabari. (2001). *Op. cit*, 17: 441.

12 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2019). *Gagasan Pentadbiran Islam di Era Malaysia Baharu*. Teks ucapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) sempena Perhimpunan Agensi-Agensi di Bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di Auditorium Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bertarikh 7 Januari 2019. Pautan: http://www.islam.gov.my/images/documents/TEKS_UCAPAN_YBM_SEMPENA_PERHIMPUNAN_AGENSI_DI_BAWAH_YBM_-_7_JAN_2019.pdf

13 Muhammad Idrus Ramli. (2011). *Rahmatan lil ‘Alamin dan Toleransi*. *ISLAMIA: Jurnal Pemikiran Islam Republika*, 25.

REALITI INTERAKSI SOSIAL DALAM MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA

Interaksi sosial yang berlaku antara masyarakat berbilang kaum dan agama seperti di Malaysia, biasanya berada dalam keadaan pasang-surut. Sifat manusia sebagai makhluk konflik (*homo conflictus*) menyebabkan elemen perbezaan, persaingan dan pertentangan sesama mereka sentiasa wujud.¹⁴ Dalam konteks masyarakat majmuk yang ada di Malaysia hari ini, gejala konflik sudah pastinya tidak dapat dielakkan. Namun begitu, pengurusan konflik secara efektif mampu menatijahkan kesan yang positif menerusi mobilisasi idea dan tindakan bagi mencapai kehidupan yang lebih baik. Hal ini secara tidak langsung dapat mengelakkan kesan konflik yang negatif seperti permusuhan, kebencian, stereotaip negatif, pergaduhan dan keganasan.¹⁵ Pengalaman perhubungan masyarakat majmuk di Malaysia memperlihatkan bahawa elemen etnik dan agama bukanlah faktor utama yang mencetuskan konflik antara masyarakat. Sebaliknya, faktor ketidakseimbangan sosioekonomi dan kelemahan pihak kerajaan menawarkan polisi yang komprehensif dalam menangani isu tersebut menyebabkan sebahagian pihak bertindak memanipulasi faktor etnik dan agama untuk mencetuskan konflik dan ketegangan dalam masyarakat.¹⁶ Menurut Mansor (2006), faktor ketegangan antara kaum di Malaysia dapat dibahagikan kepada tiga fasa, iaitu fasa 1 (1950-1970) yang disebabkan oleh isu kewarganegaraan, kontrak sosial dan bahasa, fasa 2 (1970-1990) yang disebabkan isu ketidakseimbangan sosioekonomi sehingga membawa kepada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru serta fasa 3 (1990-milenium) yang menyaksikan eksploitasi isu agama sehingga membawa kepada impak yang kritikal terhadap keharmonian antara masyarakat.¹⁷ Nazri (2012) menyatakan eksploitasi faktor kaum dan agama ini tidak boleh dipandang ringan kerana keadaan ini umpama bom jangka yang berisiko mencetuskan kesan luar jangka sehingga menimbulkan ketegangan antara masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia.¹⁸ Kedua-dua faktor

14 Novri Susun. (2014). *Pengantar Sosiologi Konflik*. Jakarta: Prenada Media, 27.

15 Mohd Anuar Ramli *et al.* (2018). *Op.cit.*, 8.

16 Chamil Wariya. (2007). *Malaysia: 50 Fakta Asas Kenegaraan*. Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sdn. Bhd., 85.

17 Mansor Mohd Noor. (2006). *Transformasi Perhubungan Etnik di Malaysia*. Zaharah Hassan *et al.* (Eds.), *Readings on Ethnic Relations in a Multicultural Society*. Serdang: Penerbit UPM, 63.

18 Nazri Muslim. (2012). Implikasi Peruntukan Islam dan Orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Terhadap Hubungan Etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 19(2), 47.

ini sering dilihat sebagai modal provokasi terbaik oleh sebahagian pihak yang berselindung di sebalik agenda dan tuntutan tertentu bagi membakar api sensitiviti dan konflik.

Di Malaysia, tahap ketegangan antara kaum dan agama diukur menerusi Indeks Ketegangan Masyarakat (IKM). IKM merupakan indikator yang digunakan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) untuk melihat tahap ketegangan masyarakat di Malaysia yang dimanifestasikan melalui tindakan yang dicituskan atau teretus melalui keganasan, rusuhan, demonstrasi, protes, serangan, pergaduhan dan isu yang dilaporkan di media sosial dan media massa yang boleh menggugat perpaduan. IKM membantu JPNIN untuk memahami situasi yang berlaku dalam negara dan kesan jangka panjangnya terhadap hubungan etnik dan kestabilan serta kemakmuran negara. Pemantauan yang dilakukan oleh JPNIN melalui IKM dimaklumkan kepada pihak kerajaan agar tindakan intervensi dapat diambil untuk meredakan ketegangan yang berlaku. Berdasarkan laporan pihak JPNIN bagi tahun 2008-2017, penurunan yang ketara dapat dilihat antara dua fasa, iaitu Fasa 1 (2008-2012) dan Fasa 2 (2013-2017). Fasa pertama memperlihatkan kadar yang tinggi, iaitu pada purata 22 dan memperlihatkan penurunan pada fasa yang kedua, iaitu pada purata 12.7. Namun begitu, penurunan ini sebenarnya tidaklah mencerminkan tahap hubungan antara kaum dan agama yang semakin harmoni. Hal ini kerana indikator yang digunakan oleh pihak JPNIN lebih tertumpu pada insiden ketegangan yang berlaku di lapangan seperti rusuhan dan demonstrasi tanpa mengambil kira ketegangan yang wujud di media sosial. Oleh sebab itulah pihak JPNIN telah merancang untuk menambah baik indeks itu pada masa hadapan agar isu sensitif yang dibincangkan di laman media sosial turut diambil kira.¹⁹

Laporan menyebut bahawa dalam era Malaysia Baharu, isu agama, bangsa dan raja semakin kerap dibincangkan. Isu ini bukan sahaja semakin hangat diperkatakan dalam masyarakat, bahkan turut meningkat diperkatakan dalam kalangan ahli parlimen yang menyaksikan perkataan agama dan Islam disebutkan sebanyak 3627 kali di parlimen pada tahun pertama pemerintahan PH.²⁰ Isu seperti penyamarataan hak

19 Bernama. (2013). Indeks Ketegangan Masyarakat Semakin Menurun di Malaysia, laman sesawang *Astro Awani*, diakses pada 15 Julai 2019, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/indeks-ketegangan-masyarakat-semakin-menurun-di-malaysia-20973>.

20 Aidila Razak dan Lee Long Hui. (2019). Makin Kencang Bincang Soal Agama dan Bangsa di Era PH, laman sesawang *Malaysiakini*, diakses pada 02 Julai 2019, <https://www.malaysiakini.com/news/481508>.

bagi golongan LGBT, mencabar keabsahan asal usul orang Melayu di Malaysia, mempertikaikan fungsi dan struktur institusi Islam seperti JAKIM, mencabar hak keistimewaan orang Melayu dan kedaulatan raja-raja Melayu, cadangan penutupan pusat tahfiz serta hak bertudung bagi pekerja wanita Muslim oleh kelompok pluralis telah menerima bantahan yang kuat dan mencetuskan pertentangan dengan kelompok nasionalis.²¹ Sikap yang ekstrem dan pendekatan provokatif ketika berhadapan dengan isu tersebut telah menjadi ancaman kepada keutuhan hubungan antara agama dan kaum dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Hal ini disebabkan bagi masyarakat Melayu, persoalan adat, budaya, bahasa, institusi beraja dan agama Islam merupakan unsur yang sensitif kerana melibatkan maruah dan kedaulatan bangsa.²²

Menurut Ridhuan, asas utama yang mencetuskan konflik dan pertentangan antara orang Melayu dan kaum lain berpunca daripada desakan berterusan ke arah peningkatan hak-hak sedia ada mendakwa kerana berpegang kepada prinsip kesamarataan.²³ Desakan ini sebaliknya disambut secara tegas oleh orang Melayu yang masih berpegang teguh dengan kontrak sosial yang menjamin hak dan keistimewaan khusus buat golongan bumiputera. Hal ini kerana setiap peruntukan khusus tersebut digubal dengan mengambil kira pandangan dan persetujuan daripada pelbagai pihak termasuk kaum-kaum utama yang wujud di Malaysia sejak mencapai kemerdekaan.²⁴ Begitu juga kedudukan istimewa agama Islam yang telah diberikan taraf agama rasmi persekutuan dalam Perlembagaan 1957 dan 1963.²⁵ Peruntukan ini dilihat adil kerana asas keadilan dalam Islam bukan bermaksud penyamarataan sebaliknya pelunasan hak kepada yang berhak. Kontrak sosial dibina berasaskan persetujuan bersama antara kaum yang berbeza di Tanah Melayu untuk saling menerima, memahami, menghormati dan bertolak ansur mengenai status quo masing-masing dalam usaha mewujudkan perpaduan ke arah

21 Mohd Anuar Ramli *et al.* (2018). *Op.cit.*, 8.

22 Mansor Mohd. Noor. (2010). Hubungan Melayu dan Cina di Malaysia Masa Kini: Buta dengan Perubahan Realiti Sosial Negara. *DEMOKRASI*, 9(2), 192.

23 Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2010). Cabaran Integrasi antara Kaum di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga dan Pendidikan. *Jurnal Hadhari*, 3, 68.

24 Nazri Muslim dan Ahmad Hidayat Buang. (2012). Islam dalam Perlembagaan Persekutuan dari Perspektif Hubungan Etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 20, 121.

25 Ahmad Redzuan Mohamad *et al.* (2017). Interfaith Commission Malaysia: Analisis ke atas Penuhannya dalam Merealisasikan Keharmonian Agama di Malaysia. *Jurnal al-'Abqari*, 11, 78.

kemerdekaan.²⁶ Fakta tersebut sudah jelas membuktikan bahawa tidak wujud kesamarataan secara komprehensif antara masyarakat Melayu (bumiputera) dan bukan Melayu sebaliknya yang boleh diwujudkan ialah keadilan berpandukan lunas Perlembagaan.²⁷

Maka, pemahaman dan penerimaan yang jelas terhadap asas pembinaan kontrak sosial ini dilihat sebagai antara formula mencegah ketegangan hubungan etnik dan agama masa kini.²⁸ Namun begitu, realiti semasa menunjukkan bahawa kontrak sosial kini tidak lagi dianggap sebagai perintis perpaduan yang perlu diteruskan sebaliknya asas baru yang menekankan kesamarataan hak perlu dilaksanakan buat generasi Malaysia Baharu merentasi perbezaan kaum dan agama. Kedangkalan pihak tertentu dalam memahami psikologi masyarakat Melayu telah mendorong mereka menentang idea meratifikasi *International Convention on the Elimination of All Form of Racial Discrimination (ICERD)* bagi memastikan agenda kesamarataan hak berjaya dilaksanakan. Namun begitu, tindakan tersebut akhirnya mengundang reaksi balas daripada masyarakat Melayu dan umat Islam yang telah menggerakkan mobilisasi menentang idea tersebut menerusi Himpunan Bantahan ICERD pada 2018.²⁹ Insiden ini sewajarnya memberikan kesedaran buat pelbagai pihak bahawa usaha memelihara keharmonian antara masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia perlu dijadikan agenda bersama oleh semua pihak terutamanya dalam usaha memfokuskan idea dan gerak kerja ke arah yang lebih utama seperti pembasmian kemiskinan, peningkatan kualiti pendidikan dan keseimbangan ekonomi.

PEMAKNAAN RAHMATAN LIL ‘ALAMIN MENURUT PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Menurut Halis Azhan, Perlembagaan Persekutuan telah digubal dengan tujuan mewujudkan suasana adil dan saksama bagi menjamin kesejahteraan kehidupan masyarakat berbilang kaum dan agama.³⁰ Bagi memastikan gagasan RLA diterapkan senada dengan tujuan perlembagaan, beberapa

26 Abd Aziz A'zmi *et al.* (2017). Realiti Kepelbagaian Kaum Ke Arah Perpaduan Nasional Pasca Merdeka. *Malaysian Journal of Social Science*, 2, 12.

27 Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2010). *Op.cit*, 70.

28 Nazri Muslim. (2012). *Op.cit*, 50.

29 Hafidzul Hilmi Mohd Noor. (2018). Himpunan ICERD: 6 Laluan Utama Ditutup, laman sesawang *BH Online*, diakses pada 20 Jun 2019, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/12/506090/himpunan-icerd-6-laluan-utama-ditutup>.

30 Halis Azhan Mohd Hanafiah. (2013). *Op.cit*, 7.

perkara perlu diperhatikan antaranya deklarasi Perkara 3 dalam perlembagaan yang menetapkan '*Islam ialah agama bagi persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan*'. Menurut Shamrahayu, peruntukan tersebut telah memberikan ciri agama yang jelas dalam perlembagaan. Hakim Abdul Hamid, salah seorang ahli Suruhanjaya Perlembagaan menyatakan bahawa peruntukan tentang Islam dalam perlembagaan merupakan hasil persetujuan semua pihak. Namun begitu, hal tersebut tidak menafikan hak kebebasan beragama bagi mereka yang tidak menganut agama Islam.³¹ Islam telah diberikan pengiktirafan khusus dalam undang-undang tertinggi apabila banyak keputusan mahkamah yang telah memperakui kedudukan Islam dalam perlembagaan.³² Merujuk kes *Ramah lwn Laton*³³, Islam juga telah diiktiraf sebagai undang-undang bagi negara. Mahkamah Rayuan Negeri-negeri Melayu Bersekutu memutuskan bahawa undang-undang Islam bukanlah undang-undang asing tetapi undang-undang tempatan dan undang-undang negara. Inti pati dalam deklarasi ini secara tidak langsung telah mengiktiraf kedudukan Islam sebagai agama yang dominan bagi penduduk Tanah Melayu. Pemahaman terhadap Perkara 3 hendaklah dibaca bersama dengan Perkara 11 dalam konteks kebebasan beragama bagi menentukan kedudukan Islam sebagai agama bagi persekutuan.³⁴ Kedudukan istimewa Islam ini bukan hanya diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan semata-mata, bahkan begitu jelas dinyatakan dalam perlembagaan atau undang-undang tubuh setiap negeri.³⁵

Apabila diteliti keseluruhan perlembagaan, didapati bahawa agama Islam telah diletakkan pada kedudukan yang lebih tinggi berbanding

-
- 31 Shamrahayu A. Aziz. (2005). Islam is the Religion of the Federation-its Meaning and Implication. *IJUMIJ*, 33, 14.
- 32 *Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor* (2004) 6 CLJ 242 - Islam mempunyai tempat yang dominan (Islam is at a dominant status); *Meor Atiqulrahman bin Ishak & Yang Lain lwn Fatimah bte Siti & Yang Lain* (2000) 1 CLJ 393; *ZI Publications Sdn. Bhd. (Company No. 398106-W) & Mohd. Ezra bin Mohd. Zaid lwn Kerajaan Negeri Selangor (Kerajaan Malaysia & Majlis Agama Islam Selangor sebagai Penceloh-Penceloh)* (2000) 5 MLJ 375.
- 33 *Ramah lwn Laton* [1927] 6 FMSLR 128
- 34 Ahmad Ibrahim *et al.* (2003). *Perkembangan Undang-undang Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 105.
- 35 Perlembagaan Negeri Johor, perkara 57 (Bhgn. 1); Perlembagaan Negeri Kedah, perkara 33A; Perlembagaan Negeri Kelantan, perkara 5; Perlembagaan Negeri Melaka, perkara 167; Perlembagaan Negeri Sembilan, perkara 5; Perlembagaan Negeri Pahang, perkara 23 (Bhgn. 1); Perlembagaan Pulau Pinang, perkara 5; Perlembagaan Negeri Perak, perkara 5; Perlembagaan Negeri Perlis, perkara 5; Perlembagaan Negeri Sabah, perkara 5A; Perlembagaan Negeri Selangor, perkara 47 (Bhgn. Ke-2); Perlembagaan Negeri Terengganu, perkara 51.

agama lain sejajar dengan Perkara 3. Peruntukan ini membawa implikasi bahawa bagi menuntut kesamarataan hak, maka mestilah dalam kerangka pengiktirafan kepada kedudukan dan autoriti Islam yang perlu diutamakan berbanding mana-mana agama lain di Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pihak yang menggunakan Perkara 8(1) untuk menuntut hak kesamarataan antara semua agama. Perkara 8(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang sama di sisi undang-undang. Bagi menjawab hal ini, Helwa dan Jasri menyatakan:

Dalam hal ini Perkara 8 (1) sepatutnya dibaca dengan Perkara 8 (5)(a) yang memperuntukkan bahawa Perkara 8 tidak membatalkan atau melarang apa-apa peruntukan yang membuat peraturan mengenai undang-undang diri. Ini jelas sekali membawa maksud bahawa peruntukan 'sama rata' membawa kepada undang-undang diri dan dalam kes ini undang-undang diri adalah merujuk kepada undang-undang Islam.³⁶

Oleh itu, keseluruhan peruntukan perlembagaan termasuklah Perkara 11 dan Perkara 8 perlu ditafsirkan selari dengan Perkara 3 sesuai dengan kedudukan Islam dalam perlembagaan negara. Hal ini membuktikan Perlembagaan Persekutuan yang termaktub menepati *maqasid shar'iyah* yang terpenting, iaitu *hifz al-din*. Peruntukan ini menunjukkan bahawa agama Islam merupakan tunjang kepada falsafah atau ideologi negara. Memandangkan peruntukan ini merujuk Islam maka secara keseluruhannya pelaksanaan di dalam negara perlu dilihat dalam konteks Islam. Tambahan pula, Islam mempunyai kedudukan dan pengaruh yang besar sejak sebelum kemerdekaan lagi.³⁷

Meskipun sebahagian pihak masih mendakwa bahawa Perlembagaan Persekutuan berteraskan prinsip sekular, namun hujah ini telah ditolak oleh Aziz Bari yang berpandangan bahawa perlembagaan itu sendiri tidak pernah menyebut bahawa asasnya adalah sekular. Bahkan sekiranya dilihat daripada konteks sejarah dan pengamalan masyarakat Malaysia, ternyata keistimewaan kedudukan Islam dalam perlembagaan merupakan suatu asas

36 Helwa Mohamad Zainal dan Jasri Jamal. (2013). Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-Undang di Malaysia: Satu Analisa Isu dan Cabaran. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 17(2), 14-15.

37 Nazri Muslim. (2012). *Op.cit*, 51.

yang sukar untuk dipertikaikan kewajarannya.³⁸ Antaranya Perkara 11(4) yang memperuntukkan halangan dan sekatan penyebaran dan perluasan sebarang ideologi keagamaan dan kepercayaan selain Islam terhadap umat Islam di Malaysia. Perkara ini secara jelas memperlihatkan perlindungan secara eksklusif diberikan kepada agama Islam. Perlindungan yang sama tidak diberikan kepada agama yang lain. Hal ini seterusnya membawa kepada pewartaan undang-undang berkaitan sekatan penyebaran doktrin agama lain secara khusus terhadap umat Islam oleh sembilang buah negeri antaranya Kelantan pada tahun 1987 serta Melaka, Kedah dan Selangor pada 1988.³⁹ Meskipun tujuan peruntukan ini tidak dinyatakan secara jelas dalam perlembagaan, namun alasannya boleh difahami menerusi memorandum yang dikemukakan oleh raja-raja Melayu kepada Suruhanjaya Reid. Memorandum tersebut menyarankan satu peruntukan khusus perlu diwujudkan bertujuan melindungi orang Melayu di negara ini daripada ajaran komunis. Hal ini bertitik tolak daripada kebimbangan raja-raja Melayu terhadap pengembangan ideologi tersebut yang bercanggah dengan nilai keagamaan masyarakat Melayu kerana doktrin asas fahaman ini yang menafikan kewujudan tuhan. Walau bagaimanapun, peruntukan 11(4) ini tidaklah terhad kepada pengembangan ideologi komunisme sahaja bahkan turut melindungi orang Islam daripada apa-apa juga fahaman yang boleh membawa kekufuran. Maka, sebarang bentuk penyebaran doktrin dan ideologi yang bertentangan dengan ajaran Islam perlulah disekat.⁴⁰

Selain itu, Perkara 12 (2) juga memberikan kebenaran secara khusus buat pihak berkuasa pada peringkat persekutuan dan negeri untuk menggunakan dana awam bagi membantu sama ada secara langsung mahupun tidak langsung penubuhan dan penyelenggaraan institusi serta perjalanan program yang berteraskan Islam. Keizinan ini termasuklah menyediakan peruntukan dana bagi membantu usaha penyebaran dan pendaulatan syiar Islam. Seterusnya dalam peruntukan Perkara 12(4), iaitu agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapanya atau penjaganya turut menjadi perdebatan tentang pemahaman konsep *rahmatan lil Alamin* dalam Perlembagaan Persekutuan. Pandangan Hakim Mahkamah Rayuan dalam kes *In Re*

38 Abdul Aziz Bari. (2006). *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia & Publication, 32.

39 *Ibid.*

40 Shamrahayu A. Aziz. (2016). Maqasid al-Syariah dalam Perlembagaan Persekutuan: Suatu Perbahasan Awal. *KANUN*, 28(2), 304.

*Susie Teoh*⁴¹ menegaskan bahawa kehendak seorang ibu atau bapa atau penjaga adalah satu kemestian dalam memutuskan sesuatu kes yang melibatkan kanak-kanak berumur bawah lapan belas tahun. Tafsiran kepada Perkara 12(4) berkaitan perkataan ibu bapa atau penjaga dijelaskan dengan merujuk kes *Genga Devi Chelliah lwn Santangam Damodaram*⁴², mahkamah memutuskan bahawa responden ialah bapa kepada anak dan dia mempunyai hak untuk menetapkan agama anaknya. Dalam penghakiman Hakim Abdul Malik dalam *In Re Susie Teoh*, beliau menegaskan bahawa seseorang kanak-kanak itu boleh diterima penukaran agamanya secara sendirian sekalipun bawah umur dewasa. Tindakan tersebut disahkan oleh mahkamah dengan alasan, ketika penukaran agama berlaku kanak-kanak tersebut dalam keadaan sedar dan waras untuk membuat keputusan. Yang Arif dalam kes *Susie Teoh*,⁴³ mentafsirkan Perkara 11 apabila menyatakan bahawa istilah “orang” yang terdapat dalam peruntukan telah tidak ditakrifkan oleh undang-undang dan memutuskan istilah “orang” bermaksud setiap orang tanpa mengira umur yang tentunya tertakluk pada prasyarat bahawa orang itu waras fikiran dan berupaya membuat keputusannya sendiri dengan berhujah:

“Saya berpendapat bahawa budak ini, yang berumur 17 tahun 8 bulan pada ketika dia memeluk Islam, sudah tentulah boleh membuat keputusannya sendiri mengikut haknya yang terjamin dalam Perlembagaan Persekutuan untuk menganut dan mengamalkan agama yang menjadi pilihannya sendiri. Walau bagaimanapun, saya mesti tekankan bahawa pendapat saya ini bergantung pada fakta tertentu dalam sesuatu kes. Jika misalnya budak berumur 9 tahun atau 12 tahun ketika dia memeluk agama Islam, dan tertakluk kepada keadaan sama ada saya berpeluang bertanya sendiri tentang pendapatnya, saya mungkin membuat keputusan yang berlainan”.

Berdasarkan keistimewaan tersebut, maka tidak hairanlah apabila aspek tertentu berkaitan Islam diberikan keutamaan berbanding agama lain di Malaysia. Jika ditinjau dari sudut kebebasan beragama pula, ruang toleransi yang luas telah disediakan menerusi Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan kebebasan kepada setiap warganegara

41 *In Re Susie Teoh & Teoh Eng Huat lwn Kadi Pasir Mas Kelantan & Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu, Kelantan* [1990] 2 MLJ 300.

42 *Genga Devi Chelliah lwn Santangam Damodaram* [2001] 2 CLJ 359.

43 *Teoh Eng Huat lwn Kadi Pasir Mas Kelantan* [1986] 2 MLJ 228.

untuk menganut dan mengamalkannya ajaran agama mereka tanpa sebarang sekatan. Bahkan dalam masa yang sama mereka juga berhak mengembangkan ajaran tersebut dengan syarat perlu mematuhi Fasal 4 yang melarang pengembangan tersebut kepada umat Islam. Perkara 11(3) pula memberikan kebebasan kepada setiap kumpulan agama untuk menguruskan serta menubuhkan institusi keagamaan mereka sendiri termasuk dalam bidang pendidikan (Perkara 12(2)) namun kebebasan tersebut diikat dengan komitmen, iaitu tiada sebarang unsur paksaan yang boleh dilakukan kepada mana-mana individu untuk menerima dan mengamalkan upacara ibadat sesuatu agama selain agamanya sendiri (Perkara 12(3)). Sebahagian pihak melihat hal ini sebagai bercanggah dengan prinsip kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Namun begitu, satu perkara yang perlu difahami ialah hak kebebasan beragama mempunyai kedudukan yang sama seperti kebebasan asasi yang lain seperti kebebasan bersuara dan bergerak yang tidak bersifat mutlak. Pihak pemerintah boleh mewujudkan sebarang sekatan dan penolakan terhadap mana-mana elemen yang dirasakan berpotensi menjejaskan ketenteraman awam. Maka, larangan tersebut dilihat penting sebagai salah satu usaha yang dilakukan bagi menjaga keharmonian dan ketenteraman awam lebih-lebih lagi penduduk Muslim merupakan majoriti terbesar di negara ini.⁴⁴

Selain peruntukan yang dinyatakan, perlembagaan turut mengiktiraf kedudukan mahkamah syariah (Perkara 121(1A)), bahkan menjamin pengecualian undang-undang Islam sewaktu darurat (Perkara 150(6A)). Dalam penghakiman Mahkamah Sivil yang telah dibuat selepas berlakunya pindaan kepada Perkara 121(1A), Perlembagaan menunjukkan terdapatnya pengiktirafan kehakiman diberikan atas bidang kuasa Mahkamah Syariah terhadap perkara berkaitan dengan Islam. Kes-kes seperti *Soon Singh Biker Singh lwn Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah*,⁴⁵ *Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan*⁴⁶ dan *Latifah Mat Zin lwn Rosmawati Sharibun*⁴⁷ adalah antara kes yang menjadi perbincangan berkaitan bidang kuasa kehakiman di dalam pendengaran.

44 Khadijah Mohd Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled. (2008). Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 27, 86.

45 *Soon Singh Biker Singh lwn Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah* [1999] 2 CLJ 5.

46 *Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan* [2004] 2 MLJ 119.

47 *Latifah Mat Zin lwn Rosmawati Sharibun* [2007] 5 MLJ 101.

Jadual Kesembilan Senarai Negeri turut memberikan punca kuasa kepada badan perundangan negeri untuk mewujudkan kesalahan berkaitan dengan perintah agama Islam yang hanya boleh dikuatkuasakan terhadap mereka yang menganut agama Islam. Sebahagian pihak melihat bahawa beberapa tindakan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak badan perundangan negeri dan pihak berkuasa agama Islam berkenaan dengan perintah agama Islam sebagai dengan prinsip kebebasan asasi. Sebagai contoh, dalam kes *ZI Publications Sdn. Bhd. & Ezra lwn Kerajaan Negeri Selangor*,⁴⁸ pemohon mencadangkan agar mahkamah mengisytiharkan bahawa seksyen 16 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1985 adalah tidak sah kerana menyekat kebebasan bersuara. Namun begitu, pihak mahkamah sebaliknya memutuskan kebebasan asasi hendaklah dibaca bersama-sama perkara 3, iaitu peruntukan yang mengisytiharkan Islam sebagai agama bagi negara. Di samping itu, badan perundangan negeri turut mempunyai kuasa untuk melakukan kesalahan berdasarkan punca kuasa dalam Senarai Negeri, iaitu kesalahan yang berkaitan dengan perintah agama Islam. Pihak mahkamah dalam kes ini telah mengambil pendekatan holistik dengan cara mengharmonikan pemakaian semua peruntukan perlembagaan.⁴⁹ Keputusan kes-kes ini telah membawa noktah yang jelas, iaitu semua perkara yang berkaitan dengan orang Islam hendaklah dikendalikan dan didengar oleh mahkamah syariah. Oleh itu, sejumlah peruntukan ini telah dirangka bagi mengangkat martabat Islam sebagai agama bagi persekutuan lantas menjulang keabsahannya dalam konteks beragama, tanpa merendah-rendah, menganiaya dan menghalang agama selainnya.

Pendekatan holistik perlu digunakan dalam pentafsiran peruntukan perlembagaan. Pendekatan holistik merujuk kaedah pentafsiran menerusi rujukan dan pemahaman terhadap maksud keseluruhan teks perlembagaan dan bukannya sekadar memilih peruntukan tertentu sahaja secara berasingan mengikut kepentingan tertentu. Maka, dalam membincangkan kedudukan istimewa Islam dalam perlembagaan, semua peruntukan lain berkaitan Islam yang mempunyai implikasi sama ada secara langsung mahupun tidak langsung kepada amalan dan pentabiran negara hendaklah dibaca bersama tanpa membataskannya kepada perkara 3(1) sahaja. Pemahaman yang menyeluruh dapat memberikan gambaran sebenar yang lebih jelas tentang

48 *ZI Publications Sdn. Bhd. & Mohd Ezra Bin Mohd Zaid lwn Kerajaan Negeri Selangor (Kerajaan Malaysia & Majlis Agama Islam Selangor sebagai Pencelah-Pencelah)* (2000) 5 MLJ 375

49 Shamrahayu A. Aziz. (2016). *Op.cit*, 291.

kandungan perlembagaan, khususnya berkaitan kedudukan agama Islam. Dalam konteks ini, perkara 3, 11(4), 12(2), dan 37 dalam Perlembagaan Persekutuan perlu dibaca bersama-sama Jadual Keempat, 150 dan 160(2).⁵⁰ Perbezaan layanan ini (dengan meletakkan Islam pada kedudukan yang istimewa) hanya boleh dirasionalkan dengan memahami unsur hibrid yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan⁵¹ di samping faktor sejarah yang melatari pembinaan peruntukan khas tersebut.⁵² Peruntukan istimewa yang diberikan ini dilihat penting terutamanya dalam pengendalian identiti kaum Melayu yang dicirikan dengan tiga asas yang utama, iaitu agama, adat dan bahasa. Maka, percubaan bagi meruntuhkan salah satu daripada asas ini bakal mengundang implikasi yang negatif terhadap kaum Melayu sebagai penganut Muslim majoriti dalam negara ini seterusnya melemahkan kedudukan agama Islam.⁵³

Maka, konsep *rahmatan lil 'alamin* yang akan diterapkan dalam segenap aspek perhubungan antara masyarakat perlu diselarakan dengan tuntutan perlembagaan persekutuan. Agama Islam menduduki tempat yang amat penting dalam perlembagaan persekutuan disebabkan faktor sejarah dan kebudayaan masyarakat Melayu sejak zaman-berzaman. Meskipun perlembagaan persekutuan merupakan perlembagaan bertulis, namun masih terdapat peraturan lain yang tidak bertulis dalam amalan atau konvensyen perlembagaan yang berasaskan sejarah, sosiologi, antropologi, budaya dan politik negara. Maka, sebagai sebuah dokumen bertulis yang bersifat *organic law*, iaitu menjangkau masa dan berfungsi sepanjang zaman, Perlembagaan juga memerlukan pentafsiran dengan mengambil kira pelbagai aspek berkaitan kerana dokumen bertulis ada kalanya tidak dapat menggambarkan maksud yang sebenar.⁵⁴ Sebagai contoh, dalam urusan pelantikan menteri besar di sembilan buah negeri Melayu, perlembagaan negeri menetapkan bahawa calon tersebut telah memenangi

50 *Ibid.*, 294.

51 Hibrid bermaksud negara yang mempunyai agama rasmi. Perlembagaan Malaysia dikatakan berbentuk hibrid dengan kewujudan Perkara 3 (1) yang mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi persekutuan namun dalam masa yang sama turut mengiktiraf kebebasan beragama penganut lain. Faridah Jalil dan Rohizan Halim. (2014). Kebebasan Beragama: Gambaran Malaysia. *KANUN*, 26(2), 228.

52 Helwa Mohamad Zainal dan Jasri Jamal. (2013). *Op.cit.*, 14-15.

53 Zaidi Abd Rahman. (2010). Aktiviti Misionari antara Kehendak Perlembagaan, Perintah Bible dan Reaksi Muslim di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 18(3), 590.

54 Shamrahayu A. Aziz. (2016). *Op.cit.*, 284.

pilihan raya dan memperoleh majoriti sokongan untuk dilantik sebagai menteri besar. Namun begitu, terdapat syarat lain yang ditetapkan, iaitu beliau hendaklah juga beragama Islam dan berbangsa Melayu. Walaupun syarat ini boleh dimansuhkan atau boleh diabaikan oleh raja-raja tetapi syarat ini menunjukkan bahawa sistem demokrasi yang diamalkan masih lagi bergantung pada kuasa raja.

Perkara ini memaparkan keunikan Perlembagaan Persekutuan yang menyimpulkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Parameter yang ditetapkan ini penting bagi memastikan demokrasi yang diterima dan diamalkan di negara ini tidak bersifat demokrasi liberal yang meletakkan rakyat sebagai *political sovereign* untuk menentukan undang-undang dan polisi negara.⁵⁵ Sebaliknya, pentafsiran yang dilakukan turut mengambil kira faktor sejarah dan citra budaya masyarakat khususnya bangsa Melayu dan agama Islam bagi memastikan perlembagaan tersebut benar-benar bersifat “hidup”. Maka konsep *rahmatan lil ‘alamin* melalui pentafsiran ulama yang muktabar adalah sejajar dengan aspirasi perlembagaan persekutuan. Lantas, dalam usaha melestarikan hubungan harmoni antara kaum beragama, gagasan *rahmatan lil ‘alamin* perlu dipastikan agar selari dengan pentafsiran ulama muktabar yang sememangnya jelas ditegakkan melalui perlembagaan persekutuan dalam konteks negara Malaysia yang berteraskan kontrak sosial. Tuntasnya kedudukan Islam dalam perlembagaan seharusnya diterima oleh semua pihak tanpa mempersoalkan kewajaran dan kesesuaiannya. Sebarang tindakan mempersoalkan dan mencabar kedudukan Islam dalam perlembagaan adalah secara tidak langsung mencabar konsep *rahmatan lil ‘alamin* itu sendiri.

KESIMPULAN

Kenyataan provokatif berkaitan kaum dan agama telah mendorong pihak kerajaan untuk memperkenalkan Akta Kebencian Agama dan Kaum bagi menyekat trend penghinaan terhadap kaum dan agama yang semakin berleluasa. Era Malaysia Baharu yang bermula dengan peralihan kerajaan kepada blok pembangkang terdahulu menyaksikan kerajaan berhadapan dengan cabaran baharu terutamanya dalam pelestarian keharmonian antara pelbagai bangsa dan agama yang memerlukan tindakan yang cermat

55 *Ibid.*, 290.

dan teliti. Oleh itu, konsep *rahmatan lil 'alamin* diperkenalkan sebagai satu mekanisme yang dilihat mampu menangani cabaran ini. Walau bagaimanapun, pelaksanaan konsep *rahmatan lil 'alamin* ini perlulah sejajar dengan pentafsiran Islam yang menyeluruh dan yang lebih penting dalam konteks Malaysia, ia perlu selari dengan kandungan perlembagaan persekutuan yang telah sekian lama menjadi tulang belakang keharmonian dan kesejahteraan negara.

RUJUKAN

- Abd Aziz A'zmi, Farrah Wahida Mustafar, Aimi Khairunnisa Abdul Karim dan Nurliana Suhaini. (2017). Realiti Kepelbagaian Kaum ke arah Perpaduan Nasional Pascamerdeka. *Malaysian Journal of Social Science*, 2, 1-24.
- Abdul Aziz Bari. (2006). *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia & Publication.
- Ahmad Ibrahim *et. al.* (2003). *Perkembangan Undang-undang Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sanusi Azmi dan Mohd Yusuf Ismail. (2018). Konsep Rahmatan lil 'Alamin dalam Hadith: Penerokaan Makna serta Aplikasi di Malaysia. *Journal of Hadith Studies*, 3(1), 1-13.
- Ahmad Redzuan Mohamad, Samsu Adabi Mamat dan Mohd Azmi Mohd Razif. (2017). Interfaith Commission Malaysia: Analisis ke atas Penubuhannya dalam Merealisasikan Keharmonian Agama di Malaysia. *Jurnal al-'Abqari*, 11, 77-93.
- Aidila Razak & Lee Long Hui. (2019), Makin Kencang Bincang Soal Agama dan Bangsa di Era PH, laman sesawang Malaysiakini, capaian daripada <https://www.malaysiakini.com/news/481508> (02 Julai 2019).
- Al-Ṭabarī, Muhammad bin Jarīr. (2001). *Jāmi' al-Bayān fī Takwīl Āy al-Qurān*. Qahirah: Hajr li al-Tibā'ah wa al-Nasyr.
- Al-Alūsī, Syihāb al-Dīn Maḥmūd. (t.t). *Rūḥ al-Ma'ānī fī Tafsīr al-Qurān al-'Azīm wa al-Sab' al-Mathānī*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabīy.
- Al-Qurṭubī, Muḥammad bin Aḥmad. (2006). *al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Zamakhsyari, Mahmud bin Umar. (2009). *Tafsīr al-Kasysyāf 'an Haqāiq al-Tanzīl wa 'Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Takwīl*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Baharom Kassim dan Mohd Syarul Razi Mohd Hazmi. (2018). Islam Era Malaysia Baharu: Isu dan Agenda Pelaksanaan. . Abd Karim Ali *et al.* (Eds.). *Islam Era Malaysia Baharu: Dinamika Wacana Kepelbagaian Cabaran*. Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia.
- Bernama. (2013). Indeks Ketegangan Masyarakat Semakin Menurun di Malaysia, laman sesawang Astro Awani, capaian daripada <http://www.astroawani.com>.

- com/berita-malaysia/indeks-ketegangan-masyarakat-semakin-menurun-di-malaysia-20973 (15 Julai 2019).
- Chamil Wariya. (2007). *Malaysia: 50 Fakta Asas Kenegaraan*. Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sdn. Bhd.
- Faridah Jalil dan Rohizan Halim. (2014), Kebebasan Beragama: Gambaran Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 26(2), 228.
- Genga Devi Chelliah *lwn* Santangam Damodaram [2001] 2 *CLJ* 359.
- Hafidzul Hilmi Mohd Noor (2018), Himpunan ICERD: 6 Laluan Utama Ditutup, laman sesawang BH Online, capaian daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/12/506090/himpunan-icerd-6-laluan-utama-ditutup> (20 Jun 2019).
- Halis Azhan Mohd Hanafiah. (2013). Pembinaan Negara dalam *Tikus Rahmat* dan Perlembagaan Persekutuan: Satu Kajian Perbandingan. *Jurnal Melayu*, 11(2), 1-17.
- Harjani Hefni. (2017). Makna dan Aktualisasi Dakwah Islam *Rahmatan lil Alamin* di Indonesia. *Academic Journal for Homiletic Studies*, 11(1), 1-20.
- Helwa Mohamad Zainal dan Jasri Jamal. (2013). Kedudukan Murtad dan Penyebaran Agama Bukan Islam Menurut Perspektif Undang-Undang di Malaysia: Satu Analisa Isu dan Cabaran. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 17(2), 13-36.
- Ibn al-Jawzi. (1987). *Nuzhah al-A'yun al-Nawazir*. Beirut: Muassasa al-Risalah.
- Khadijah Mohd Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled. (2008). Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 27, 81-92.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2019). Gagasan Pentadbiran Islam di Era Malaysia Baharu. Teks ucapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) sempena Perhimpunan Agensi-Agensi di Bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di Auditorium Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bertarikh 7 Januari 2019. Pautan: http://www.islam.gov.my/images/documents/TEKS_UCAPAN_YBM_-_SEMPENA_PERHIMPUNAN_AGENSI_DI_BAWAH_YBM_-_7_JAN_2019.pdf.
- Latifah Mat Zin *lwn* Rosmawati Sharibun [2007] 5 *MLJ* 101.
- Lina Joy *lwn* Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Anor (2004) 6 *CLJ* 242.
- Mansor Mohd. Noor. (2006). Transformasi Perhubungan Etnik di Malaysia. Dlm. Zaharah Hassan, Abdul Latif Samian dan Abu Daud Silong. *Readings on Ethnic Relations in a Multicultural Society*. Serdang: Penerbit UPM.
- Mansor Mohd. Noor. (2010). Hubungan Melayu dan Cina di Malaysia Masa Kini: Buta dengan Perubahan Realiti Sosial Negara. *DEMOKRASI*, 9(2), 185-207.
- Meor Atiqulrahman bin Ishak & Yang Lain *lwn* Fatimah bte Sihi & Yang Lain (2000) 1 *CLJ* 393.

- Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Muhd Imran Abd Razak, Mohamad Naqib Hamdan dan Syamsul Azizul Marinsah. (2018). Isu-Isu Sensitif dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia Pasca Pilihanraya Umum (PRU14): Aplikasi Pendekatan Kesederhanaan. Mohd Roslan Mohd Noor *et al.* (Eds.). *Penyelidikan Serantau Islam dan Alam Melayu: Pendidikan, Kewangan, Kehartaan dan Isu Kontemporari*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam UM.
- Muhammad Idrus Ramli. (2011). *Rahmatan lil 'Alamin* dan Toleransi. *ISLAMIA: Jurnal Pemikiran Islam Republika*, 25.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2010). Cabaran Integrasi Antara Kaum di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga Dan Pendidikan. *Jurnal Hadhari*, 3, 61-84.
- Muhammad bin Ahmad al-Qurtubi. (2006). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Nazri Muslim. (2012). Implikasi Peruntukan Islam dan Orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Terhadap Hubungan Etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 19(2), 19-62.
- Nazri Muslim dan Ahmad Hidayat Buang. (2012). Islam dalam Perlembagaan Persekutuan dari Perspektif Hubungan Etnik di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, 20, 115-129.
- Novri Susan. (2014). *Pengantar Sosiologi Konflik*. Jakarta: Prenada Media.
- Perlembagaan Negeri Melaka.
- Perlembagaan Negeri Kedah.
- Perlembagaan Negeri Kelantan.
- Perlembagaan Negeri Pahang.
- Perlembagaan Negeri Perak.
- Perlembagaan Negeri Perlis.
- Perlembagaan Negeri Pulau Pinang.
- Perlembagaan Negeri Sabah.
- Perlembagaan Negeri Selangor.
- Perlembagaan Negeri Sembilan.
- Perlembagaan Negeri Terengganu.
- Ramah Iwn Laton [1927] 6 *FMSLR* 128
- Shamrahayu A. Aziz. (2005). Islam is the Religion of the Federation-its Meaning and Implication. *IJUMIJ*, 33, 14.
- Shamrahayu A. Aziz. (2016), Maqasid al-Syariah Dalam Perlembagaan Persekutuan: Suatu Perbahasan Awal. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 28(2), 304.
- Soon Singh Biker Sigh *Iwn* Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kedah [1999] 2 *CLJ* 5.
- Susie Teoh & Teoh Eng Huat *Iwn* Kadi Pasir Mas Kelantan & Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu, Kelantan [1990] 2 *MLJ* 300.

- Syihab al-Din Mahmud al-Alusi. (t.t). *Ruh al-Ma'ani fi Tafsir al-Quran al-'Azim wa al-Sab' al-Mathani*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiy.
- Zaidi Abd Rahman. (2010). Aktiviti Misionari antara Kehendak Perlembagaan, Perintah Bible dan Reaksi Muslim di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 18(3), 590. ZI Publications Sdn. Bhd. (Company No. 398106-W) & Mohd. Ezra bin Mohd. Zaid *lwn* Kerajaan Negeri Selangor (Kerajaan Malaysia & Majlis Agama Islam Selangor sebagai Pencelah-Pencelah) (2000) 5 *MLJ* 375.

Diperoleh (*received*): 27 September 2019

Diterima (*accepted*): 25 Disember 2019